

Kenali

Tun Hussein Onn



*Mengukuh perpaduan
Melestari keamanan*

0.9595
MAR

Maruwiah Ahmat







Siri Perdana Menteri Malaysia

Kenali

Tun Hussein Onn



Maruwiah Ahmat



EAGLE PUBLICATIONS SDN. BHD. (503915-P)
SUNGAI BULOH
2010

PUSTAKA PERDANA



1009443

EAGLE PUBLICATIONS SDN. BHD. (503915-P)
No 51, Jalan Selasih 3, Saujana Utama 3,
47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-55695150/012-2580368
Faks: 03-55695150

© Maruwiah Ahmat 2010
Cetakan pertama 2010

ISBN 978 983 3537 84 6

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Eagle Publications Sdn. Bhd. (503915-P).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Maruwiah Ahmat, 1968-

Kenali Tun Hussein Onn : mengukuh perpaduan, melestari kea-
manan / Maruwiah Ahmat.

(Siri Perdana Menteri Malaysia)

ISBN 978-983-3537-84-6

1. Hussein Onn, Tun, 1922-1990. 2. Prime ministers--Malaysia--
Juvenile literature. 3. Politicians--Malaysia--Juvenile literature. 4.
Malaysia--Politics and Government--Juvenile literature. I. Judul. II.
Siri.

320.9595

Teks diset dengan
Futura Bk Bt 12 pt

Dicetak di Malaysia oleh

Maxima Colour Separations Sdn. Bhd. (233588-X)
Lot 1314, Lembah Kinrara, Batu 8 1/2, Jalan Puchong,
Puchong Jaya, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.

Prakata

Alhamdulillah segala puji bagi Allah yang memudahkan penulis menghasilkan *Siri Kenali Perdana Menteri Malaysia* ini. Semoga buku ini dapat dimanfaatkan bersama oleh para pembaca, khususnya para pelajar yang merupakan kumpulan sasaran siri ini.

Tujuan buku ini diterbitkan adalah untuk menyediakan bahan bacaan tambahan yang berkualiti dan penuh maklumat kepada pelajar disamping mengingat dan mengimbas tentang siapa dan apa sumbangan para Perdana Menteri Malaysia dari yang pertama hingga terkini. Sumbangan mereka tidak harus dilupakan begitu sahaja malah perlu dicontohi agar dapat dijadikan landasan bagi mendidik generasi muda untuk menjadi individu yang cemerlang dari segala aspek kehidupan.

Siri Kenali Perdana Menteri Malaysia ini mempunyai enam siri sebagaimana ia mewakili setiap Perdana Menteri di Malaysia. Ia memaparkan secara asas tentang biodata, latar belakang keluarga, serta karier selain sumbangan keenam-enam Perdana Menteri Malaysia baik dalam politik negara, mahupun dalam sosial kehidupan seharian. Buku ini dipersembahkan dalam bentuk bergambar bagi menarik minat dan memudahkan pemahaman pembaca.

Penulis

Kandungan

Kata Pengantar iii

Latar belakang diri dan keluarga **1**

Penglibatan awal dalam politik **7**

Menteri kabinet **10**

Timbalan Perdana Menteri **13**

Perdana Menteri **14**

Tun Hussein Onn bersama UMNO **29**

PEMADAM **34**

Kepentingan perpaduan **35**


Masalah dan cabaran perpaduan kaum **36**

Usaha membentuk perpaduan kaum **40**

Barisan Kabinet 1978 **42**


Lagu Perpaduan Teras Kejayaan **44**

LATAR BELAKANG DIRI DAN KELUARGA



Yang Berbahagia Allahyarham Tun Hussein Onn dilahirkan pada 12 Februari 1922 di Johor Bahru. Beliau merupakan anak sulung Dato' Onn bin Jaafar dan Datin Halimah binti Hussein yang mempunyai lapan orang anak. Beliau mendapat pendidikan awal di Singapura dan sekolah menengah di English College (Maktab Sultan Abu Bakar), Johor Bahru.

Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat Senior Cambridge tetapi tidak dapat





◀ Kenangan Tun Hussein Onn bersama isteri Toh Puan Suhaila Tan Sri Mohd Noah.

menamatkan pengajiannya apabila Perang Dunia Kedua meletus. Beliau telah menyertai Pasukan Tentera Johor (Johor Military Forces) dan menjalani latihannya di Maktab Tentera Sandhurst di Dehra Dun, India pada awal tahun 1941, dan menerima tauliah pada tahun 1942. Selepas itu beliau menyertai Regiment Hyderabad Ke-19 di India.

Semasa Perang Dunia Kedua, beliau berkhidmat di Timur Tengah. Apabila perang berlanjutan di Asia, beliau

